

Malaysia sebagai Negara yang Bermazhab: Satu Diskusi Awal

Malaysia as a Madhhab Country: A Preliminary Discussion

Mohd Azhar Abdullah¹, Irwan Mohd Subri², Muhammad Lukman Ibrahim³ & Muhammad Amiri Abdul Ghani⁴

¹ (Corresponding Author) Department of al-Syariah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Malaysia, e-mail: dr.har68@gmail.com

² Fatwa and Halal Institute (IFFAH); Professor, Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Malaysia, e-mail: irwan@usim.edu.my

³ Department of al-Quran and al-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Malaysia, e-mail: zihin@yahoo.com

⁴ Department of Quran and Hadis, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Malaysia, e-mail: amirighani@yahoo.com

ABSTRAK

Malaysia sebuah negara Islam rasmi beraliran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang diperteguhkan dengan mazhab *fiqh al-Shafi'i* dan akidah *al-Asha'irah*. Tidak menghairankan, perbincangan-perbincangan akademik dan sudut pandangan umum negara ini mempunyai mazhab sebagaimana diperuntukkan dalam enakmen negeri-negeri. Namun, penekanan dalam kajian-kajian sebelum ini kurang ditumpukan kepada bagaimana negara Malaysia bermazhab sebagaimana manusia juga bermazhab. Kelompongan ini menyebabkan negara Malaysia tidak dizahirkan roh dan kehidupan mazhabnya, sedangkan Malaysia konsisten bermazhab. Mazhab (*al-madhhab*) dan bermazhab (*al-madhhabiyyah*) dua istilah kompetorari yang mempunyai konseptual yang berbeza, tetapi saling berkaitan. Sehubungan itu, penulisan kualitatif ini berusaha membahaskan bagaimana sebuah negara, khususnya Malaysia layak diiktiraf dan dimasyur sebagai bermazhab. Tujuan utama adalah untuk menghidupkan roh mazhab dalam kehidupan Malaysia, sekaligus memberi imej Ahli Sunnah Wala Jamaah bagi memperkuuh amalan mazhab yang menjadi teras Islam di Malaysia. Dalam keadaan yang sama mematahkan gerakan aliran anti mazhab (*allamadhhabiyyah*) yang cuba menggugat kesejahteraan Malaysia. Penulisan ini menggunakan metodologi kualitatif melalui analisa bahan tertulis. Penulis meneliti dan menganalisis pendapat-pendapat fuqaha silam dan kontemporari bagi mendapat gambaran yang jelas berkaitan konseptual mazhab dan bermazhab, khususnya dalam wacana usul fiqh semasa. Dapatkan kajian mendapati, negara juga boleh dinisbahkan dengan istilah bermazhab bagi memperkuuhkan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam pentadbiran perundangan kefatwaan di negara ini.

Kata Kunci: Malaysia; Mazhab; Syafii; Ahli Sunnah Wal Jamaah

ABSTRACT

Malaysia is an official Islamic country which is following Ahli Sunnah Wal Jamaah and is strengthened by the school of fiqh al-Shafi'i and the faith of al-Asha'irah. Predictably, academic discussions and general point of view, the country has sects as it is allocated in the state's enactment. However, the emphasis in previous studies is less focused on how Malaysia is madhhab, just as human beings are also sectional. This gap caused Malaysia not to reveal the spirit and life of its sect, while Malaysia is consistently madhhab. Madhhab (al-madhhab) and al-madhhabiyah are two competing terms that have different conceptualities but interrelated. Incidentally, this qualitative writing seeks to discuss how a country, especially Malaysia, deserves to be recognized and renowned as a madhhab. The main purpose is to revive the soul of the sect in the life of Malaysia, as well as give the image of Ahli Sunnah Wal Jamaah to strengthen the practice of the sect which is the core of Islam in Malaysia. In the same situation, breaking the anti-madhhab movement (allamadhabiyah) which is trying to threaten the well-being of Malaysia. This writing used a qualitative methodology through content analysis. The author examined and analyzed the opinions of past and contemporary jurists to get a clear picture related to the conceptualism of sects and sects, especially in the discourse of current fiqh proposals. The findings of the study found that the country can also be referred as denominational to strengthen the manhaj of Ahli Sunnah Wal Jamaah in the administration of fatwa legislation in this country.

Keywords: Malaysia; Madhhab; Shafi'i; Ahli Sunnah Wal Jamaah

1. Pendahuluan

Sejak lebih 1000 tahun lalu, penisbahan kepada mazhab tertentu suatu kebanggaan seperti 'Abdullah bin 'Abd al-Rahman al-Maliki (m. 191H), al-Muzani al-Syafii (m. 264H), Muhammad al-Shaybani al-Hanafi (m. 189H), al-Bayhaqi al-Syafii (m. 458H), al-Ghazali al-Syafii (m. 505H), al-Nawawi al-Syafii (m. 656H) Ibn Qudamah al-Hanbali (m. 620H) dan Ibn Kathir al-Syafii (m. 774H). Hampir tiada ulama besar dalam bidang hadis, tafsir, akidah, fiqh, tasawuf dan qiraat, kecuali mereka menisbahkan dirinya kepada mazhab tertentu sehingga disifatkan tidak mencukupi kertas untuk menghitungnya satu persatu (al-Qudah, 1999; al-Sinan, 2006). Malangnya kemegahan tersebut mula menurun dan tidak diperluaskan kepada "negara", sedangkan mazhab negara atau negeri secara bertulis, diperundangkan dan dipraktikkan secara rasmi. Apakah yang menghalang penisbahan ini, merupakan persoalan yang akan didiskusikan dalam penulisan ini.

Negara bukan sekadar tanah air, tetapi sistem yang beroperasi dalamnya menurut hak-hak yang diperuntukan dalam perundangan, pemimpin-pemimpin yang mengurus tadbir dan masyarakat yang mendiami dalam wilayahnya (Abdul Monir, 2002; Abdul Aziz, 2000). Berdasarkan elemen-elemen bagi

negara ini, sesebuah negara layak menerima penisbahan tertentu yang menggambarkan identitinya seperti negara Islam, negara bangsa, negara monarki dan negara Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Kebiasaan istilah mazhab (المذهب) dinisbahkan kepada manusia sahaja kerana mazhab satu metodologi mengistinbat hukum syarak yang bersifat amali yang dibangunkan oleh mujtahid mutlak dan dikembangkan oleh murid-muridnya berdasarkan manhaj imannya. Mutakhir ini berkembang istilah baru bagi menggambarkan keadaan seseorang yang beriltizam dengan mazhab tertentu secara konsisten sebagai *madhhabiyyah* (مذهبية) yang diterjemahkan dengan istilah “bermazhab” (al-Buti, 2017).

Kajian-kajian sarjana tertumpu kepada konsep mazhab, dan kurang memberikan penekanan yang mendalam kepada kenegaraan yang juga bermazhab. Banyak artikel yang dihasilkan adalah berkaitan amalan, pengaruh dan penghayatan mazhab di Malaysia seperti aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia, keutamaan mazhab Syafii di Malaysia, mazhab Syafii dalam pengajian Syariah di Malaysia (Rahimin Affandi & Mohd Anuar, 2017), amalan bermazhab dalam masyarakat Malaysia (Lukman dan Nima Jahiteam, 2007) dan penegasan Malaysia sebuah negara Ahli Sunnah Wal Jamaah (Zulkifli al-Bakri, 2016), mazhab Syafii sebagai wadah penyatuan ummah di Malaysia (Zulkifly Muda, 2019), taklid mazhab Syafii di Malaysia (Mohd Hafiz & Sumayyah, 2020). Kajian-kajian berkaitan kefatwaan dan perundangan yang menekankan peranan mazhab Syafii dan kawalannya turut disentuh oleh Ahmad Hidayat (2004 dan Hasan (2017). Kajian daripada artikel-artikel ilmiah dalam jurnal-jurnal menyaksikan penulisan sarjana dalam masalah ini di Malaysia terus berkembang disebabkan wujud gerakan-gerakan yang berusaha menukar acuan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bertentangan dengan uruf di Malaysia (Razali, 2020; Muhammad Ayman, 2019).

Sehubungan itu, penulisan ini mendiskusikan bagaimana keadaan dan situasi negara Malaysia beriltizam dengan mazhab. Tujuanya adalah untuk memperlihatkan amalan bermazhab negara ini sesuatu yang hidup, dipraktikkan dan menjadi landasan syariah yang utuh lagi berkesinambungan. Penulisan akan memberikan penegasan bagaimana negara Malaysia bermazhab melalui hak-hak perundangan yang ditadbir oleh mufti-mufti, hakim-hakim Syarie, imam-imam masjid, pengajar-pengajar agama Islam kepada awam yang dikehendaki beriltizam dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah berdasarkan mazhab-mazhab empat terutamanya mazhab Syafii dan berakidah al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah.

2. Skop dan Metodologi Kajian

Penulisan kepustakaan ini menggunakan metodologi kualitatif. Kaedah ini memberatkan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kebanyakan kajian dalam bidang ini memberikan keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini juga lebih kepada usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa saja tindakan sosial (Patton, 1990). Justeru, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Sebaliknya, kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil (Azizah, 2010). Oleh itu, kajian kualitatif amat sesuai digunakan untuk membuat kajian melibatkan individu maupun masyarakat.

Melalui bahan tertulis, penulis meneliti dan menganalisis pendapat-pendapat fuqaha silam dan komtemporari melalui kitab-kitab Usul Fiqh dan Fiqh serta enakmen dan peraturan kefatwaan. Ini bagi mendapat gambaran yang jelas berkaitan konseptual mazhab dan bermazhab, khususnya dalam wacana usul fiqh semasa. Rumusan-rumusan yang diperolehi akan diperbandingkan dan diselaraskan menurut konteks kedudukan dan peranan mazhab bagi Malaysia yang diwujudkan dalam perundangan dan bagaimana sistem mazhab berperanan melalui mufti, ulama, tok guru, lebai dan agamawan yang lain. Dapatan-dapatan utama hasil daripada analisa konseptual akan merumuskan satu imej yang jelas atau personaliti negara Malaysia yang akan dimasyhurkan dengan bermazhab, sebagaimana manusia juga bermazhab.

3. Diskusi Awal Terhadap Konsep Bermazhab

3.1 Maksud Mazhab

Sejak 1200 tahun, istilah mazhab dipecahkan kepada dua bahagian sahaja, iaitu mazhab (المذهب), dan bermazhab (مذهبية). Namun, mutakhir ini muncul istilah ketiga; anti mazhab (اللامذهبية). Istilah bermazhab (مذهبية) dan anti bermazhab (اللامذهبية) adalah dua istilah yang saling berlawanan, bahkan anti mazhab menjadi ancaman baru bagi manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah (al-Buti, 2017). Walau bagaimanapun, penulis tidak menyentuh isu berkaitan anti mazhab dalam penulisan ini.

Ibn Manzur (1990) dan Ibrahim (1972) menetapkan lafaz *madhhab* adalah dipetik daripada kata nama terbitan (*masdar al-mim*) (ذهب - يذهب - ذهاباً) yang bermaksud pergi, jalan, cara berfikir atau tempat ambilan (اللائحة - وَالْمُرْفُوْرُ). Maksud mazhab di sisi syariah adalah manhaj mengistinbat hukum syarak yang dipelopori oleh mujtahid mutlak. Kemudian, pendapat-pendapat

mujtahid tersebut dinukilkan dan dikembangkan oleh ulama selepasnya secara mantap dan tersusun. Kamus Dewan (2007) memberikan maksud mazhab ialah cabang ajaran Islam yang diikuti oleh umat Islam, iaitu mazhab Syafii, Hanafi, Hanbali dan Maliki. Pengertian mazhab bersandarkan kepada mujtahid empat ini telah memberikan pentunjuk bahawa pemakaian mazhab dalam negara Malaysia hanya untuk mazhab empat sahaja. Ironisnya, selain daripada mazhab empat tersebut adalah tidak dekat dalam kehidupan masyarakat dan uruf di negara ini.

Al-Ashqar (1998) memberi maksud mazhab sebagai jalan yang seseorang atau satu kumpulan menggariskannya sama ada dalam bidang akidah, akhlak, atau hukum-hakam atau sebagainya. Setiap bidang ilmu tersebut memiliki ahli-ahlinya tersendiri. Realitinya, tiada mujtahid berupaya mengasaskan manhaj tersendiri dalam semua bidang ilmu Islam. Misalnya, Imam Abu Hanifah (w. 150H) seorang mujtahid mutlak, tetapi hanya mengasaskan mazhab fiqh sahaja, sedang beliau bertaqlid membaca al-Quran berdasarkan qiraat Imam 'Asim al-Kufi (w. 127 H) sejak kecil hingga wafat (Abu Zahrah, 2009).

Al-Ashqar (1998) memgemukakan istilah bagi mazhab yang lebih spesifik ialah:

طِرِيقَةُ مُتَّبَعَةٍ فِي اسْتِنْبَاطِ الْأَحْكَامِ الشَّرِعِيَّةِ الْعَمَلِيَّةِ مِنْ أَدِلَّهَا التَّفْصِيلِيَّةِ، سَلَكَهَا إِمَامٌ مِنَ الْأئِمَّةِ،
وَذَرَّ عَلَيْهَا تَلَامِيذُهُ وَأَنْبَاعُهُ مِنْ بَعْدِهِ

Terjemahan: Metodologi yang diikuti dalam pengambilan hukum syarak yang bersifat amali daripada dalil tafsili yang dijalani oleh imam daripada imam-imam (mujtahidin) dan murid dan pengikutnya mempertingkatkannya selepas itu.

Mulaykah Sawalih (2006) merumuskan takrifan mazhab adalah pendapat-pendapat ulama mujtahid tentang hukum syarak berserta kaedah-kaedah pemetikan (*istinbat*) hukumnya menurut anjuran syariat berdasarkan sumber al-Quran dan al-Sunnah. Kemudian, ia diteruskan, dikembangkan dan dimantapkan oleh ulama mazhab selepasnya secara tersusun melalui jalur periwayatan, pengajian dan kitab-kitab di sepanjang zaman. Pada hari ini, apabila dikatakan mazhab Syafii, bererti perkataan-perkataan al-Syafii dan juga perkataan-perkataan murid-muridnya sebagaimana yang tercatat dalam kitab-kitab mazhab Syafii seperti *al-Umm*, *al-Risalah* dan *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*.

Di samping itu, istilah mazhab juga dipakai secara konsisten kepada bidang-bidang ilmu Islam yang khusus seperti:

- i. Mazhab akidah, iaitu manhaj berkaitan tauhid atau perkara-perkara *sam'iyyat* seperti mazhab al-Asha'irah, al-Maturidiyyah dan mujassimmah.
- ii. Mazhab fiqh, iaitu manhaj pemetikan hukum Syarak berkaitan amalan yang bersifat zahir seperti mazhab Hanafi (w. 150H), Malik (m. 179H), Syafii (m. 204H), Hanbali (m. 241H) dan Dawud al-Zahiri (m. 270H)
- iii. Mazhab tasawuf, iaitu manhaj berkaitan ilmu akhlak dan penyucian jiwa untuk mengangkat kerohanian seperti mazhab Imam Junaydi al-Baghdadi dan Imam Abu Hamid al-Ghazali (m. 505H).
- iv. Mazhab qiraat, iaitu manhaj kepelbagian pembacaan ayat-ayat suci al-Quran berdasarkan bahasa Arab yang asli seperti qiraat imam 'Asim al-Kufi (m. 127H) dan Ibn Kathir al-Makki (m. 120 H).

3.2 Maksud Bermazhab (مذهب)

Perkataan *madhhabiyyah* (مذهبية) adalah dipetik daripada perkataan asal; مذهب الشخص: اتّبع مذهبًا معيناً يُمَذْهِبُ، فهو مُمَذْهَبٌ، ذَلِكَ مُمَذْهَبٌ: (Almaany, 2022). Sehubungan itu, perkataan *madhhabiyyah* (مذهبية) adalah satu penisbahan kepada perkataan asal *madhhab*. Ia bermaksud; seorang yang dinisbahkan kepada mazhab tertentu kerana ia berilitizam dengan panduan-panduan mazhab dalam melaksanakan perintah-perintah al-Quran dan hadis. Namun, maksud yang lebih luas bagi seseorang yang berpegang kepada mazhab secara umum tetapi konsisten adalah lebih dekat disebut dengan *mutamadhhib* (متّمذهّب). Dalam bahasa Malaysia boleh kita sinominkan dengan istilah “bermazhab”. Perkataan *mutamadhhib* ini berasal daripada; ثمَّذَهَبَ، فَهُوَ مُتَّمذَهَبٌ (Almaany, 2022). Manakala al-Buti (2017) mentakrifkan bermazhab (مذهبية) ialah:

أَنْ يُقْلِدُ الْعَامِي أَوْ مَنْ لَمْ يَبْلُغْ دَرَجَةَ الاجْتِهادِ أَيْ إِمَامٍ مُجْتَهِدٍ، سَوَاءُ التَّرَمَ وَاحِدٌ بِعِينِهِ، أَوْ عَاشَ يَسْحَوِّلُ مِنْ وَاحِدٍ إِلَى آخَرَ، أَوْ هُوَ تَقْلِيدُ إِمَامٍ مِنْ أَئْمَانَ الْمَذاهِبِ الْأَرْبَعَةِ.

Terjemahan: Seseorang awam atau orang yang tidak sampai ke tahap mujtahid berpegang atau mengikut (taqlid) mana-mana aliran imam mujtahid, sama ada dia berpegang dengan seorang mujtahid sahaja atau berpindah-pindah antara satu mujtahid ke mujtahid yang lain dalam ikutannya, atau dia bertaqlid dengan seorang imam daripada imam-imam mujtahid yang empat.

Pandangan al-Buti di atas menggambarkan bermazhab adalah cara hidup beragama menurut situasi-situasi di bawah:

- i. Situasi seseorang yang bertaqlid dan beriltizam kepada satu mazhab secara khusus atau berpindah-pindah kepada mujtahid yang lain secara konsisten.
- ii. Seorang yang alim tetapi tidak mencapai tahap mujtahid di mana mereka berijtihad berdasarkan manhaj imam-imam mazhab secara konsisten
- iii. Orang awam yang bertaqlid kepada mana-mana mazhab yang muktabar.

Berdasarkan tiga situasi bermazhab di atas, konsep bermazhab adalah luas, bermula daripada seorang alim hingga orang awam. Ciri yang paling menonjol adalah keterikatannya dengan mazhab. Ertinya, sesiapa sahaja yang beriltizam dengan mazhab secara konsisten atau beragama menurut disiplin-disiplin mazhab maka ia disebut bermazhab. Justeru, terdapat kewajaran yang kuat untuk mengiyaskan atau menghubungkan manusia yang bermazhab dengan negara yang bermazhab secara nisbi. Ini kerana, agama dalam sebuah negara diaktifkan oleh mufti, alim ulama, tok guru, lebai dan ustaz, sedang semua mereka secara zahir bermazhab. Bahkan, mereka diikat oleh negara melalui perundangan yang khusus dan terikat dengannya sama ada secara langsung atau tidak. Mereka ini menjadi panutan kepada orang-orang awam murni menyebabkan pola kehidupan mereka juga di bawah payung bermazhab.

3.3 Pemakaian Istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah Secara Umum dan Khusus

Istilah-istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah sangat luas sesuai dengan kesyumulan Islam yang kekal hingga kiamat. Antara istilah yang masyhur dikaitkan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti ahl al-sunnah, ahl al-athar, al-jama'ah yang dinisbahkan kepada *al-firqah al-najiyah* (golongan selamat), *al-ta'ifah al-mansurah* (kumpulan yang ditolong) dan *al-sawad al-a'zam* (golongan terbanyak) (Johari, 1999; Engku Ahmad, 2020).

Pemakaian istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah berkembang menurut keperluan cabarannya. Ketika dahulu ia bermula dalam bentuk yang umum, kemudiannya menjadi lebih khusus kepada mazhab-mazhab sejarah dengan perkembangan disiplin pengajian Islam. Sebahagian istilah-istilah Ahli Sunnah wal Jamaah yang bersifat umum (*al-Qahtani*, t.th; *al-Nadwah*, 1429; *al-Athari*; 1422) seperti:

هُمُ الْفَرِقَةُ النَّاجِيَةُ، وَالظَّائِفَةُ الْمَصُوْرَةُ الَّذِينَ أَخْبَرَ النَّبِيُّ عَنْهُمْ، بِأَنَّهُمْ يَسِيرُونَ عَلَى طَرِيقِهِ وَأَصْحَابِهِ

الكِرَامُ دُونَ الْخِرَافِ، فَهُمْ أَهْلُ الْإِسْلَامِ الْمُتَّبِعُونَ لِلْكِتَابِ وَالسُّنْنَةِ الْمُجَانِبُونَ لِطُرُقِ أَهْلِ الضَّلَالِ

Terjemahan: Mereka ialah golongan yang selamat, kumpulan yang mendapat pertolongan yang Nabi SAW khabarkan bahawa mereka menjalani menurut jalannya dan sahabat-sahabatnya yang dimuliakan tanpa menyelweng

daripada kefahaman ahli Islam. Mereka berpegang dengan al-Quran dan sunnah yang jauh dari jalan-jalan ahli yang sesat.

Istilah umum seperti di atas masih terdapat ruang-ruang yang terdedah kepada penyalahgunaan oleh kelompok-kelompok yang terkeluar daripada garisan Ahli Sunnah Wal Jamaah menyebabkan para ulama mula mengkhususkan istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah kepada manhaj-manhaj yang khusus pada kurun ke 4 Hijrah. Misalnya, al-Baghdadi (1977) yang wafat tahun 429 H menjelaskan:

أهْلُ السَّنَةِ وَالْجَمَاعَةِ مِنْ فَرِيقَيْ: الرَّأْيِ، وَالْحَدِيثِ دُونَ مَنْ يَشْتَرِي لَهُ الْحَدِيثَ، وَفَقَهَاءُ هَذِينَ
الْفَرِيقَيْنَ، وَفَرَّاؤُهُمْ وَمُخْدِّثُوْهُمْ وَمُتَكَلِّمُوْهُمْ ... وَقَدْ دَخَلَ فِي هَذِهِ الْجُمْلَةِ جُمْهُورُ الْأُمَّةِ وَسَوَادُهَا
الْأَعْظَمُ مِنْ أَصْحَابِ مَالِكٍ، وَالشَّافِعِيِّ، وَأَبِي حَنِيفَةَ، وَالْأَوْزَاعِيِّ، وَالثَّوْرِيِّ، وَأَهْلِ الظَّاهِرِ ...

Terjemahan: Ahli Sunnah Wal Jamaah daripada dua aliran (ahli hadith): aliran ra'yi dan hadith yang tidak menjual beli perkataan sia-sia, fuqaha (mujtahidin) bagi kedua-dua golongan ini (ra'yi dan hadith), ahli qurra' bagi mereka, ahli hadith bagi mereka dan ahli mutakalim (ilmu kalam) bagi mereka... (sambungan ayat yang panjang) Sesungguhnya golongan-golongan ini termasuk dalam jumhur umat Islam, al-sawad al-a'zam daripada ulama Malik, al-Syafii, Abu Hanifah, al-Awza'i, al-Thawri dan al-Zahir.

Kebanyakan ulama khalaf, khusus pada kurun ke-5 menisbahkan Ahli Sunnah Wal Jamaah secara spesifik berdasarkan manhaj mazhab-mazhab muktabar selaras dengan perkembangan ilmu Islam dan amalan umat Islam di dunia bagi menangkis aliran-aliran kiri dan menyimpang yang membahayakan. Al-Marizi (1991) yang wafat tahun 536H menyatakan:

وَأَهْلُ الْحَقِّ هُمُ الْأَشَاعِرَةُ وَالْمَاثُرِيدِيَّةُ فِي أَصْوُلِ الدِّينِ، وَأَصْحَابُ الْأُئُمَّةِ الْفَقَهَاءُ مِنْ مَالِكِيَّةِ وَحَنْفِيَّةِ
وَشَافِعِيَّةِ وَحَنَابَةَ، وَغَيْرِهِمْ مِنْ أُئُمَّةِ الْحَدِيثِ فِي الْفُرُوعِ، وَفِي التَّصُوفِ طَرِيقَةُ الْجَيْدِ السَّالِكِ

Terjemahan: Ahli hak ialah mereka beraliran Ash'ariah dan Maturidiyyah dalam usuluddin dan para fuqaha kepada mujtahidin daripada mazhab Maliki, Hanafi, Syafii dan Hanbali dan selain mereka daripada ulama hadith dalam furuk-furuk dan bagi tasawuf jalan yang dijalani oleh al-Jundi.

Istilah khusus tersebut telah diperteguhkan oleh ulama mutakhirin pula sebagaimana rangkaian ungkapan Ibn 'Abidin (m. 1252H) (1992) dan al-Zabidi (1998) sering kali dijadikan panutan:

إِذَا أَطْلَقَ: أَهْلُ السُّنْنَةِ وَالجَمَاعَةِ فَلَمْ رَأْدُوهُمُ الْأَشَاعِرُ وَالْمَاتِرِيدِيَّةُ

Terjemahan: Apabila diungkapkan Ahli Sunnah Wal Jamaah, maka maksudnya ialah mereka (bermazhab akidah) al-Asya'ariyyah dan al-Maturidiyyah.

Manakala di alam Melayu, istilah yang khusus bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah ini telah bersatu dalam kehidupan beragama di Nusantara sejak Islam dibawa ke rantau ini abad ke 4 H atau 7. Engku Ahmad Zaki (2020) menukarkan kata-kata Buya Hamka (m. 1981M) bahawa orang yang mengikuti sunnah SAW dan para ulama mujtahid yang mengeluarkan pendapat yang bebas hasil ijtihadnya. Orang-orang yang menganut mazhab Syafii, Hanafi, Maliki dan Hanbali dalam soal furuk ialah golongan Ahli Sunnah wal Jamaah. Sedangkan Syiah, Khawarij dan Muktazilah tidak termasuk dalamnya. Demikian juga pendukung-pendukung bidaah yang menambah, apatah lagi mengurangi ajaran Nabi Muhammad SAW, tidak termasuk dalam golongan Ahli Sunnah wal Jamaah. Dalam ilmu kalam, mazhab al-Ash'ari dan al-Maturudi ialah Ahli Sunnah wal Jamaah.

Sejak zaman kesultanan Melayu hingga kini, kehidupan bermazhab secara menyeluruh mencakupi individu, keluarga, masyarakat dan negara sama ada politik, ekonomi dan sosial menurut fiqh mazhab Syafii dan akidah Asha'irah. Fakta-fakta tersebut dapat dikaji secara mendalam dalam Kanun Melaka, Undang-Undang Kedah Lama, kitab-kitab jawi dan sejarah institusi pondok (Muhammad Ayman, 2019). Disimpulkan bahawa istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang disandarkan kepada mazhab fiqh, akidah dan tasawuf yang khusus telah mantap dalam nadi umat Islam sejak 1000 tahun. Manakala istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang umum tidak popular di sisi penulisan dan pemakaian ulama muktabar.

3.4 Apakah Negara Boleh Bermazhab?

Persoalan utama yang dirungkaikan dalam penulisan ini apakah sesebuah negara sesuai untuk diistilahkan sebagai bermazhab. Apakah asas dan ciri-ciri untuk melayakkan sebuah negara juga dimasyurkan bermazhab. Berdasarkan kaedah qiyas bahawa negara boleh dinisbahkan kepada agama sama ada negara Islam atau kafir kerana merujuk kepada kelakuan manusia yang mengurus tadbir negara tersebut. Penjenamaan negara Islam atau bukan Islam adalah pengistilahan nisbi yang tiada seorang ulama mempertikaikannya sejak berzaman. Atas pengistilahan nisbi bagi negara tersebut, lahirlah pelbagai istilah yang sesuai dan khusus bagi indentiti semasa bagi sesebuah negara Islam seperti negara Ahli Sunnah Wal Jamaah dan negara Syiah.

Sebagai penjelasan kepada keharusan pengistilahan nisbi ini dapat dilihat secara jelas kepada pembahagian negara-negara di dunia ini kepada dua, iaitu negara Islam dan negara bukan Islam. *Majallah al-Bayan li al-Nas* (2020)

menyatakan pembahagian negara kepada negara kafir dan Islam adalah urusan ijtihad berdasarkan realiti semasa pada zaman ulama mujtahidin. Tiada di sana suatu nas daripada al-Quran atau sunnah berhubung masalah ini. Imam Abu Hanifah menjelaskan pembahagian negara Islam dan negara bukan Islam bukan bertujuan pemecahan duniawi kepada dua sistem Islam dan kafir. Pembahagian ini bertujuan menentukan hubungan, keselamatan dan keamanan umat Islam yang berada di dalam sesebuah negara.

Abū Ghuddah (2006) menyatakan negara terbina di atas tiga rukun; rakyat (الشعب), tanah air (الأرض), dan kedaulatan pemerintahan (السادة). Justeru, negara bukan sekadar tanah air tetapi dipengaruhi oleh tindak-tanduk manusia yang mendiaminya dan sistem yang berfungsi dalamnya. Di sisi Islam, status negara dirujuk kepada agamanya sebagaimana *al-Mawsu 'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah* (2009) menyatakan pembahagian orang-orang kafir ada dua bahagian, iaitu ahli harbi dan ahli 'ahd. Ahli 'ahd dipecahkan kepada tiga jenis; *ahli dhimmah*, *ahli musta 'man* dan *ahli mu 'ahad*.

Oleh kerana itu, sebagaimana manusia terbahagi dua; muslim atau kafir, maka hal yang demikian status negara menurut keagamaan dipecahkan dua sahaja; *dar al-Islam* atau *dar al-Kafir*. Abdul Monir (2002) mengumpulkan beberapa takrif negara dan memberikan ulasannya; negara ialah sebuah institusi, iaitu satu sistem perhubungan yang ditubuhkan oleh manusia sebagai cara untuk mencapai tujuan tertentu, dan yang paling penting ialah sistem perintah di mana aktiviti mereka boleh dilakukan. Penegasan ini selari dengan pendapat fuqaha silam seperti Ibn 'Abidin al-Hanafi (1992) yang berpendapat negara adalah merujuk kepada ilkim yang khusus di bawah kekuasaan pemerintah Islam atau kafir, bukan apa yang diliputi oleh tempat tinggal sahaja.

Takrifan negara Islam yang dikemukakan oleh fuqaha awal zaman khalaf dan mutakhirin adalah bersifat umum dan tidak memperincikan istilah negara Islam (al-Kasani, 1986; Ibn Hajar al-Haytami, 1993, al-Zuhayli, 1989). Ini disebabkan kesibukan permasalahan semasa berkaitan sistem pentadbiran yang sedang berkembang akibat perkembangan tanah taklukan Islam. Dalam situasi yang sama tiada pertembungan aliran politik barat waktu itu tidak berlaku (Abdul Aziz, 2000).

Berbeza dengan pendekatan kebanyakan ulama kontemporari yang hidup dalam negara Islam yang telah dijajah dan sistem barat menguasai sistem kenegaraan antarabangsa. Zaydan (1965), al-Zuhayli (1989), Sa'id Hawwa (1993) dan al-'Awwa (2006) al-Qaradawi (1999) antara sarjana Islam kontemporari yang senada dengan Abu Zahrah (1995) yang menakrifkan negara Islam sebagai:

دَارُ الْإِسْلَامُ هِيَ الدَّوْلَةُ الَّتِي تَحْكُمُ بِسُلْطَانِ الْمُسْلِمِينَ وَتَكُونُ الْمُنْعَهُ وَالْفُؤُهُ فِيهَا لِلْمُسْلِمِينَ

Terjemahan: Negara Islam ialah daulah di bawah pemerintahan umat Islam, di mana kekuasaan dan kekuatan di dalam negara berada di bawah umat Islam.

Al-Mawdudi (1984) menekankan ciri-ciri asas ini disifatkan sebagai “akidah negara Islam”, iaitu negara yang mendaulatkan sumber-sumber syarak sebagai sumber tertinggi kepada semua idea, falsafah, prinsip, dasar dan tindakan kenegaraan. Daripada penyatuan akidah, syariah dan akhlak ini, terbit pelbagai slogan dan prinsip seperti “ketuanan Syariah”, “kedaulatan hukum Allah, keterikatan dengan prinsip-prinsip syarak dan negara al-Quran dan Ahli Sunnah Wal Jamaah (Muhammad al-Mubarak, 1974; Ruzman, 1995).

Abu ‘Iyd (1996) dan al-Wa’i (1996) menyimpulkan berdasarkan istilah-istilah semasa, sesuai dengan konsep kenegaraan moden, para sarjana menetapkan bahawa mana-mana negara yang memiliki salah satu daripada empat kariteria di bawah adalah sudah memadai bagi pengiktirafan sebuah negara Islam, iaitu;

- i. Pemerintahan atau kekuasaan utama di tangan orang Islam. Kekuasaan ini samada kuasa eksekutif di tangan orang Islam yang memberikan peluang pelaksanaan Syariah atau perlombagaan negara dan undang-undang utama menyediakan ruang yang cukup bagi pelaksanaan Islam seperti Malaysia, Brunei dan Arab Saudi.
- ii. Majoriti penduduk adalah umat Islam atau umat Islam berkemampuan atau mempunyai peluang besar untuk menegakkan syariah Islam.
- iii. Penduduk umat Islam minoriti, tetapi persekitaran dalam negara dikuasai syariah Islam, walaupun majoriti penduduknya bukan Islam.
- iv. Syariah Islam boleh diamalkan secara terbuka dalam negara, tanpa sekatan undang-undang atau larangan pihak berkuasa dan dakwah boleh digerakkan tanpa kebimbangan dan ketakutan.

Bertolak daripada sesebuah negara boleh dinisbahkan kepada agama rakyat yang mendiaminya dan juga sistem perundangan yang berjalan di dalamnya dan juga ciri-ciri bermazhab yang dikemukakan oleh al-Buti, maka demikianlah sebuah negara boleh dinisbahkan kepada mazhab yang dipegangi oleh rakyatnya dan juga sistem pentadbiran yang menguasainya.

4. Amalan Bermazhab Secara Rasmi di Malaysia

4.1 Sorotan Amalan Bermazhab di Nusantara

Kesepakatan ulama bahawa semua mazhab yang muktabar, khususnya mazhab empat adalah benar di sisi syarak. (Abu Zahrah, t.th; al-Zuhayli: t.th) Berdasarkan prinsip ini, hampir semua negara umat Islam bermazhab dengan salah satu daripada empat mazhab. Negara-negara Afrika kebanyakannya bermazhab Maliki, Asia Barat (Arab Saudi, Kuwait, Jordan) bermazhab Hanbali, Asia Selatan (Pakistan dan India) bermazhab Hanafi dan Asia

Tenggara (Indonesia, Thailand, Malaysia dan Brunei) bermazhab Syafii (Junaidi: 2010).

Sebelum itu, amalan bermazhab di kebanyakan negara Arab jelas diimplimentasikan melalui institusi kefatwaan. Misalnya, Dr. Hassan Abu 'Arqub (2009), Mufti Da'irah al-Ifta' al-'Am, Jordan dalam artikelnya *Adab al-Mustafti* menghuraikan konteks penggunaan istilah "bermazhab" adalah keutamaan berpegang kepada satu mazhab lebih utama diikuti dan bertaqlid. Fatwa dari Da'irah al-Ifta' al-'Am (Jordan) umum berpegang dengan mazhab Syafii kecuali dalam keadaan yang jarang.


Pada hemat penulis, lebih kurang 80% umat Islam di Nusantara hari ini masih lagi konsisten berpegang kepada fiqh mazhab Syafii dan Asha'irah dalam akidah. Namun, keutuhan bermazhab itu digugat dengan aliran-aliran seperti Syiah, wahabi-salafi yang ekstrem dan pluralisme, terutamanya di negara Indonesia, Thailand dan Singapura yang tidak mempunyai kuasa-kuasa perundangan yang mantap untuk memelihara konsistensi mazhab dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Selain daripada Malaysia, negara Brunei Darussalam adalah satu contoh yang menonjol bagi negara bermazhab Syafii dari sudut fiqh. Perkara 5, Perlumbagaan Brunei Darussalam 1959 memperuntukkan:

"Lantikan Menteri dan Timbalan Menteri hendaklah dibuat dari kalangan bangsa Melayu yang beragama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah mengikut mazhab Syafi'ee, melainkan jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda dan Yang Di-Pertuan memutuskan sebaliknya".

Sekyen 43(1) Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77 (1984), Brunei Darussalam memperincikan secara tersusun pemakaian pendapat-pendapat dalam mazhab hendaklah biasanya menurut qaul yang muktamad daripada mazhab Syafii, dan jika difikirkan bahawa dalam mengikut pendapat yang muktamad akan bertentangan dengan kepentingan awam, maka berpindah kepada qaul daif daripada mazhab Syafii. Namun jika qaul daif itu juga tidak memenuhi kemaslahatan bagi kepentingan awam, maka menurut daripada mana-mana tiga lagi mazhab; Maliki, Hanafi dan Hanbali.

Rajah 1: Langkah Bermazhab Negara Brunei



Sumber: Penulis

Berdasarkan prosedur yang tersusun dalam rajah di atas adalah jelas menunjukkan negara Brunei bermazhab. Abdul Qayyuum dan Mohd Anuar (2016) mengukuhkan konsistensi bermazhab ini diimplementasikan sejajar dengan meraikan *fiqh waqi'*, *fiqh mawazin* dan *fiqh awlawiyyat*. Antara contoh yang memaparkan hal tersebut ialah:

- i. Fatwa Mufti Kerajaan Brunei 18/2015 mengharuskan Kementerian Pertahanan Brunei bertaqlid kepada mazhab Hanafi yang mengharuskan jual beli anjing.
- ii. Fatwa Mufti Brunei 11/2009 mengenai hukum berwuduk dengan mesin automatik tanpa memerlukan tangan lagi bagi meratakan air ke anggota wuduk. Majlis fatwa berpandangan mesin wuduk automatik tersebut tidak sesuai kerana menghilangkan perbuatan sunat menggosok anggota wuduk di sisi mazhab Syafii dan wajib meratakan air basuhan di bahagian kepala bagi mazhab Maliki.

Sejauh yang diketahui umum, negara Brunei hidup dalam kehormanan berdasarkan acuan negara Brunei Darussalam. Namun, situasi berbeza di Indonesia dan Wilayah Selatan Thailand yang bergolak akibat pergeseran dalaman dengan aliran-aliran bebas daripada bermazhab.

4.2 Malaysia Negara Ahli Sunnah Wal Jamaah yang Bermazhab

Tiada siapa menafikan bahawa negara Malaysia dimasyhurkan sebagai negara Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah (Muhammad Ayman, 2019; Abdullah Jalil, 2020; Muhammad Rashidi, 2018; Zulkifli al-Bakri, t.th; Zulkifli Muda, t.th). Fakta-fakta kepada penisbahan ini disokong dalam banyak peruntukan undang-undang, terutama Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan Islam sebagai agama rasmi dan utama, dan Jadual 9 Senarai

II pula memperuntukkan hal ehwal keagamaan secara ekslusif bagi negeri-negeri di Malaysia.

Selaras dengan kehendak-kehendak Perlembagaan Persekutuan tersebut, pihak-pihak yang bertanggungjawab di peringkat persekutuan dan negeri telah memperincikan maksudnya dalam pelbagai undang-undang Islam, pentadiran dan tindakan berdasarkan Ahli Sunnah Wal Jamaah menurut acuan negara ini. Contohnya, di peringkat persekutuan, Muzakarah Khas Jawatan kuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah menetapkan:

- a) Umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Akidah, Syariah dan Akhlak.
- b) Memperakukan pindaan kepada semua Undang-undang Negeri yang berhubung dengan hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif “Hukum Syarak” atau “Undang-undang Isam” seperti berikut: “Hukum Syarak” atau “Undang-undang Islam” ertiinya Undang-undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak”
- c) Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan Undang-undang Islam: dan dengan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang.
- d) Semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada Undang-undang Islam Hukum Syarak yang berasaskan pegangan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah sahaja.
- e) Penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah diharamkan.

Manakala maksud Ahli Sunnah Wal Jamaah diperincikan lagi di negeri-negeri kepada mazhab atau aliran tertentu, khususnya mazhab Syafii, Asha’irah dan Maturidiyyah bagi akidah dan al-Ghazali serta al-Junaydi dalam bidang tasawuf.

4.3 Enakmen-Enakmen Syariah di Malaysia Bermazhab

Istilah bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah yang dipraktikkan di Malaysia bukan istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang umum, tetapi istilah Ahli Sunnah yang khusus, iaitu berdasarkan manhaj bermazhab yang khusus menurut fiqh Syafii, akidah Abu Hasan Asha’ri atau Abu Mansur Maturidi dan tasawuf menurut al-Junayd atau al-Ghazali (Fatwa Negeri Sembilan, Bil. 2, 2016). Atas sebab

inilah, aliran wahabi-salafi yang ekstrem tidak sesuai diamalkan di Malaysia kerana sebahagiannya berpegang kepada mazhab Hanbali secara longgar dan sebahagiannya pula anti mazhab yang tidak sejajar dengan uruf di negara ini (Fatwa Johor, 2015; Fatwa Pahang, 2014; Fatwa Perak, 2012; Fatwa Sabah, 2017).

Dari sudut perundangan adalah jelas bahawa negeri-negeri di Malaysia berjalan di atas manhaj bermazhab. Erti “Hukum syarak” dalam tafsiran perundangan Syariah di Malaysia tercakup dalam dua tafsiran sahaja. Pertama, mengikut mazhab Syafii atau mana-mana mazhab Maliki, Hanafi atau Hanbali (Enakmen Keluarga Islam Kelantan, 2002; Enakmen Keluarga Islam Melaka, 2002; Enakmen Keluarga Islam Selangor, 2003; Enakmen Keluarga Islam Sabah, 2004; Enakmen Keluarga Islam Sabah, 2004; Enakmen Keluarga Islam Pahang, 2005; Enakmen Keluarga Islam Pahang, 2008; Enakmen Keluarga Islam Perlis, 2006). Manakala tarfsiran kedua adalah undang-undang Islam dalam mana-mana mazhab yang sah atau diiktiraf (Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, 1984; Enakmen Jenayah Syariah Selangor, 1995).

5. Keutamaan Mazhab Syafii di Malaysia

5.1 Kedudukan Mazhab Syafii dalam Perundangan

Mazhab Syafii dan Asha'irah telah menjadi keutamaan kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam amalan rasmi di Malaysia. Sewajarnya ia terus menjadi pegangan dan amalan di negara ini disebabkan dua faktor iaitu sosio budaya dan perundangan (Norunnajjah & Rohayati, 2018; Noor Naemah, 2016).

(i) Faktor Sosio Budaya

Faktor ini amat besar kerana mazhab Syafii telah berakar dan menguasai dalam kehidupan masyarakat nusantara sama ada ibadat, mualamat dan perkahwinan. Faktor ini tersebar kerana:

- a) Mazhab Syafii disebarkan oleh pendakwah-pendakwah awalan. Catatan Ibn Batutah menyebut; mazhab Syafii di Nusantara dibawa oleh Syeikh Ismail Siddiq yang dikirimkan khusus oleh Syarif Mekah, bagi membendung aliran Syiah di Pasai, ketika Kerajaan Mamluk Turki (1252-1517 M). Para pendakwah yang datang ke rantau ini dari Hadarul Maut juga bermazhab Syafii.
- b) Raja, sultan dan bangsawan bermazhab Syafii. Syeikh Abdul Aziz seorang pendakwah datang ke Melaka untuk mengislamkan raja Melaka adalah bermazhab Syafii. Bangsa Melayu terkenal dengan

- ketaatan dan kesopanan menyebabkan rakyat juga memeluk Islam dan bermazhab Syafii sesuai dengan raja dan kerajaannya.
- c) Tuan-tuan guru dan ulama bermazhab Syafii yang menuntut di Mekah atau timur tengah yang bermazhab Syafii.
 - d) Kitab-kitab yang diajar atau teks rujukan kebanyakan fiqh Syafii. Ini menyebabkan hukum-hakamnya mudah diamal, selaras dan mudah dirujuk ketika timbul sesuatu masalah.
 - e) Pengukuhan pendidikan melalui sistem pengajian tradisi, khususnya pondok-pondok dan sekolah agama yang menekankan mazhab Syafii melahirkan ulama, ustaz atau lebai yang menghidupkan amalan bermazhab sepanjang zaman.
 - f) Pentadbiran dan undang-undang seperti Kanun Melaka, Kanun Johor dan Selangor mengadaptasi daripada *Ahkam 'Adliyyah* daripada Kerajaan Utmaniyyah yang bermazhab Syafii. Maksudnya mazhab Syafii menjadi amalan rasmi dan mendapat kekuatan penuh daripada pihak kerajaan menyebabkan tersebar dan kekal sepanjang zaman.

(ii) Faktor Perundangan

Faktor ini menjadi pendokong paling kuat kepada kesinambungan kerana mazhab Syafii diurus tadbir, dikawal dan dikuatkuasakan secara rasmi melalui kekuatan sebuah negara. Semua negeri di Malaysia memperuntukkan secara khusus pemakaian mazhab Syafii kecuali negeri Perlis. Di peringkat persekutuan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertanggungjawab mengimplementasi keputusan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam yang telah diperkenan oleh Mesyuarat Majlis Raja-raja ke 133 (khas) pada 3 Disember 1984 agar penyebaran fahaman-fahaman selain mazhab Syafii hendaklah dikawal bagi tujuan membendung fahaman yang boleh mengelirukan masyarakat. SS Dato' Dr. Zulkifly bin Muda (2019), mantan Mufti Terengganu menyokong keputusan tersebut bagi memudahkan pelaksanaan hukum di peringkat pemerintah dan amalan di kalangan masyarakat selain memperkuuhkan ikatan dan perpaduan serta perpaduan umat Islam.

Manakala di peringkat negeri-negeri, mazhab Syafii diperuntukkan dalam kebanyakan enakmen majlis agama Islam masing-masing. Contohnya seksyen 39, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 memperuntukkan bahawa fatwa hendaklah menggunakan qaul muktamad mazhab Syafii. Jika Mufti berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad mazhab Syafii akan membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah mengikut qaul muktamad mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali. Dan mufti bolehlah menyelesaikan sesuatu persoalan mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu apabila langkah sebelumnya

berlawanan dengan kepentingan awam. Lebih menarik ketetapan lain diperuntukkan (Ahmad Hidayat, 2004) sebagaimana di bawah:

- i. Umat Islam tidak dipaksa beramal dengan mazhab Syafii, bahkan boleh beramal dengan mana-mana mazhab lain yang disukai dengan syarat mereka tidak boleh menyalahkan orang-orang yang beramal dengan mazhab Syafii.
- ii. Mazhab-mazhab lain tidak boleh diajar atau disyarah secara terbuka di khalayak ramai, namun boleh diajar di majlis-majlis pelajaran.
- iii. Menjadi satu kesalahan jika mengajar mazhab lain selain daripada mazhab Syafii secara terbuka.
- iv. Jika fatwa telah dikeluarkan berdasarkan kepada mazhab Syafii, maka tiada sesiapa pun boleh membantahnya dengan menggunakan hujah daripada mazhab yang lain.

Di samping itu, tauliah mengajar yang ditauliahkan oleh pihak Majlis adalah di atas asas-asas pengajaran mazhab Syafii.

5.2 Apakah Malaysia Negara Fanatik Bermazhab?

Berdasarkan fakta sosiobudaya dan perundangan membuktikan Malaysia dan Brunei adalah sebuah negara bermazhab Syafii secara rasmi. Namun, persoalan yang berbangkit; apakah Malaysia sebuah negara fanatik bermazhab? Jawapan awal penulis sebagaimana pendapat jumhur beriltizam dengan satu mazhab bukan termasuk taasub yang dicela sebagaimana yang kekeliruan oleh sesetengah pihak (al-Yafi'i, 2008). Jika amalan bermazhab dikatakan fanatik, maka tidak ada tempat dalam dunia ini yang bebas daripada fanatik mazhab. Amalan bermazhab ini adalah suatu keperluan dan tidak boleh diganggu gugat dengan aliran tidak bermazhab kerana banyak masalah yang akan timbul (Lukman dan Nima Jahitea, 2007).

Sehubungan itu, melazimi satu mazhab bagi sebuah negara adalah selaras dengan maqasid Syariah. Malaysia diiktiraf sebagai antara model terbaik negara umat Islam di dunia mengurus kemajmukan agama, bangsa dan budaya melalui pendekatan bermazhab secara wasatiah. Bermazhab bukan termasuk kefanatikan yang boleh dikaitkan dengan jumud, anti kemajuan dan berkelompok yang membawa perpecahan. Kelemahan Islam berpunca dari sebab-sebab yang lain, bukan amalan bermazhab semata-mata (Mustafa al-Khin *et.al*, 2011).

Sebaliknya, aliran yang menentang keiltizaman bermazhab sebenarnya antara punca kepada kekeliruan dan perpecahan. Syed Muhamad Naquib al-Atas (2001) mengutarakan pemerhatiannya terhadap kesan-kesan negatif daripada gelombang aliran naqli yang ekstrem, yang sering dikaitkan dengan tokoh-tokoh tajdid seperti Ibn Taymiyyah (m. 728H), al-Ashqar (1998) Syeikh

‘Abd al-Wahhab (m. 1206H) di Jazirah Arab, Jamaludin al-Afghani (m. 1897M) dan Muhammad ‘Abduh (m. 1905M) di Mesir, sedikit sebanyak telah menyebabkan kelonggaran daripada fahaman bermazhab, keretakan adab dan bunga perpecahan umat Islam.

Kepentingan bermazhab dibuktikan dalam usaha mengekalkan kehormanian di Malaysia. Ada empat mazhab fiqh yang kekal diamalkan, iaitu mazhab Hanafi, Maliki, Syafii dan Hanbali. Bagi masyarakat Malaysia dan alam Nusantara secara umumnya bermazhab Syafii. Bermazhab memudahkan pengajaran ilmu fiqh dan amalan masyarakat, terutama ilmu fardu ain. Maka, menjadi *awlawiyyat* untuk memelihara mazhab Syafii di Malaysia dan alam Nusantara bagi keharmonian masyarakat Islam (Mohammad Nidzam, 2019; Mohd Hafiz, 2020).

6. Kawalan Penyebaran Mazhab Syafii

6.1 Tauliah Mengajar Agama Islam

Irsyad al-Fatwa ke-122 tahun 2016 Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan menyebutkan bahawa tauliah mengajar agama Islam adalah salah satu pendekatan siyasah Syari’iyah bagi mengurus dan mengawal penyampaian ilmu-ilmu Islam dan penyebarannya kepada masyarakat umum daripada seseorang yang berkelayakan, selaras dengan ketinggian dan kesucian Islam. Tauliah dalam konteks ini adalah kebenaran rasmi oleh badan agama yang berautoriti dalam sebuah negeri di Malaysia bagi seseorang mengajar atau berkhutbah mengenai agama Islam. Tauliah adalah izin rasmi dan mempunyai kesan-kesan tertentu dari sudut perundangan. Sekyen 91, Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiada Melayu Kelantan 1994, memperuntukkan:

- 1) Kecuali mengajar membaca al-Quran, tiada sesiapapun boleh mengajar atau memberi penerangan mengenai ajaran agama Islam kepada orang lain dari ahli rumahnya sendiri, tanpa tauliah daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan.
- 2) Seseorang yang diberi tauliah mengajar atau memberi penerangan agama Islam hendaklah patuh kepada apa-apa syarat dan arahan Majlis berhubung dengan perkara itu dan Majlis boleh pada bila-bila masa menggantung, menarik atau membatalkan tauliah tersebut.
- 3) Majlis dengan kelulusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan, boleh membuat kaedah bagi aturcara, keperluan dan lain-lain berkenaan pemberian tauliah di bawah seksyen ini.

Hukuman bagi kesalahan tauliah berbeza antara negeri-negeri. Negeri Sembilan, Seksyen 53(1) (pindaan 2004): denda RM3,000 atau penjara 2 tahun atau kedua-keduanya. Manakala Wilayah Persekutuan, seksyen. 11 (1), 1997,

negeri Johor seksyen. 118, 2003 dan negeri Sabah, seksyen. 49, 2003 adalah denda RM5,000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya.

Oleh hal yang demikian, bukan menjadi isu perundangan bahawa setiap orang ada ilmu (sijil) mendakwa dia layak untuk mengajar maka dia mengajar sesuka hati dalam negara ini. Setiap negeri di Malaysia, bahkan di kebanyakan negara umat Islam di dunia mensyaratkan tauliah ini kerana kemasalahatan amat penting bagi negara. Dalam Undang-Undang Negara Brunie Darussalam (Majlis Agama dan mahkamah-Mahkamah, Penggal 77) Kadi, seksyen. 185 kesalahan melibatkan tauliah dihukum penjara 1 bulan atau denda \$1,000. Tujuan utama diperundangkan tauliah mengajar adalah:

- i. Memelihara keagungan dan kesucian agama Islam serta kesatuan umat Islam, sekaligus menghindarkan unsur-unsur yang menjelaskan keharmonian dan kesuciannya melalui kuasa perundangan yang sah.
- ii. Mengkekang penyebaran ideologi-ideologi yang menyeleweng dari sudut akidah, amalan-amalan yang bercanggah dengan syariat, amalan-amalan bidaah dan khurafat.
- iii. Menyatukan dan mengharmonikan adab-adab khilaf di kalangan para pengajar, agar ia dapat diterima oleh masyarakat dengan hati terbuka melalui keselarasan garis panduan mengajar.
- iv. Badan utama mengurus bagi memastikan pengajar yang layak sahaja mengajarkan agama kepada masyarakat, sesuai dengan dasar-dasar kerajaan, uruf dan waqi'.

Jenis tauliah biasanya dipecahkan kepada beberapa kategori seperti tauliah mengajar agama Islam, tauliah mengajar al-Quran, kebenaran berceramah bagi masa, tempoh dan tempat tertentu sahaja dan kebenaran berkhutbah bagi masa, tempoh dan tempat tertentu sahaja. Kebanyakan tauliah sekarang mempunyai had tempoh antara 2 tahun hingga 5 tahun dan perlu diperbaharui untuk mengaktifkan tauliahnya. Pemegang tauliah hendaklah mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan bagi mengelak kekeliruan, sementelah penyalahgunaan tauliah. Antara 15 syarat tauliah yang ditetapkan oleh Garis Panduan Tauliah Melaka (2021) ialah selaras dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan mengutamakan mazhab Syafii serta tidak mempertikai fatwa yang telah diputuskan.

Pengurusan tauliah tidak terlepas daripada polemik yang sesetengah pihak tidak berpuas hati. Antara isunya, apakah ceramah melalui media sosial dalam dunia terbuka zaman moden ini (tekno-da'i) memerlukan tauliah! Apakah pihak berkuasa agama mampu menguruskan tauliah (biokrasi) dan isu kebebasan berdakwah atau intelektual serta ketiadaan keselarasan antara negeri-negeri di Malaysia menyebabkan seorang perlu memiliki tauliah bagi setiap negeri! (Hasan, 2017).

6.2 Mengajar Kepada Umum Menyalahi Fatwa

Seorang pengajar agama Islam yang bertauliah bukan sahaja perlu mahir kitab-kitab hadis, fiqh dan akidah, tetapi juga amat perlu memahami peranan institusi fatwa di negeri masing-masing dan sentiasa relevan mengikuti perkembangan fatwa-fatwa semasa, terutama isu-isu melibatkan kepentingan awam. Fatwa dan mufti berkait erat. Fatwa dikeluarkan oleh mufti yang dilantik oleh Sultan atau Yang Dipertuan Agong yang berperanan menasihati al-Sultan dalam hukum syarak. Suatu perkara penting, persoalan hukum-hakam syarak adalah menjadi tanggungjawab mufti menyelesaiannya bagi pihak pemerintah dalam permasalahan-permasalahan berkaitan kepentingan umum (Zanariah, 2020; Hasan Kassan, 2003).

Tradisi Islam menghormati instituti fatwa pada tempat yang amat tinggi. Amat dikesali, terdapat segelintir pengajar tidak menghormati maksud tauliah dengan membangkitkan perkara-perkara khilafiah, perbahasan yang berat sebelah dan menyalahi fatwa, bahkan mengkritik mufti dengan tidak sopan di khayalak. (Prof. Dr. Ahmad Hidayat Buang, 2004) menegaskan bahawa fatwa bukan sekadar pernyataan, tetapi penerangan bersifat perundangan kepada sesiapa yang melanggarnya. Umumnya, terdapat tiga bentuk kesalahan jenayah Syariah yang diperuntukkan berkaitan fatwa. Misalnya Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997:

- i. Seksyen 5: Kesalahan menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama, iaitu Mufti boleh dihukum denda tidak lebih RM3,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya.
- ii. Seksyen 9: Kesalahan mengeluarkan pendapat atau mengembangkan ajaran yang bertentangan dengan fatwa yang sedang berkuatkuasa dalam negeri berkenaan, boleh dihukum denda tidak lebih RM3,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya.
- iii. Seksyen 12: Kesalahan berkaitan pengeluaran fatwa oleh pihak tidak mempunyai kuasa secara sah, boleh dihukum denda tidak lebih RM3,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya.

Pelanggaran tauliah menimbulkan kesan-kesan negatif kepada negara, khususnya menjelaskan kewibawaan mufti sebagai ketua agama dan institusi penting Islam. Hakikatnya, tindakan tersebut menjatuhkan sesama sendiri di kalangan agamawan seperti bidalan “menepuk air di dalam dulang”.

7. Kesimpulan

Ahli Sunnah Wal Jamaah menjadi pegangan majoriti negara-negara umat Islam di dunia termasuk Malaysia. Dalam konteks Malaysia dan Brunei, istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah dipakai dalam istilah yang lebih khusus kepada mazhab-

mazhab yang muktabar secara bermanhaj, iaitu keutamaan mazhab Syafii bagi fiqh, mazhab Asya'irah dan Maturidiyyah bagi akidah dan mazhab al-Junaidi dan al-Ghazali bagi akidah. Berdasarkan prinsip ini negara Malaysia amat wajar dinisbahkan kepada mazhab bagi memperkuuhkan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam pentadbiran perundangan kefatwaan di negara ini.

Justeru, aliran yang terkeluar daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti Syiah, Qadariah dan Muktazilah adalah tertolak. Termasuk juga aliran wahabi-salafi yang ekstrem dan bebas bermazhab tidak sesuai diamalkan negara ini kerana bercanggah dengan prinsip amalan bermazhab, menongkah uruf setempat dan mengugat keharmonian masyarakat yang telah sebat dengan mazhab yang khusus. Dalam pada itu, penyebaran ilmu-ilmu Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah berjaya dikawal selia dengan berkesan melalui kuasa perundangan yang mantap. Hal ini berbeza di negara Thailand, Singapura dan Indonesia yang terpaksa bergantung kepada kekuatan gerakan dakwah dan perbahasan ilmiah.

Rujukan

- Abdullah, L. H., & Jihatea, N. (2007). *Bermazhab dan Fanatik Mazhab: Satu Sorotan Dalam Kerangka Amalan Bermazhab Syafi'i Masyarakat Melayu*. *Jurnal Fiqh*, 4, 103-118.
- Abu Ghuddah, A. S. (2006). *Muraja'ah fi Fiqh al-Siyasah al-Islami*. Istanbul: al- Majlis al- 'Iroffah li Ifta' wa al-Bath. 2-5.
- Abu 'Iyd, A. K. (t.th). *Nizam al-Hukm fi al-Islam*. Jordan: Dar al-Nafa'is.
- Abu Zahrah. (1995). *al-'Alaqah al-Dawliyyah fi al-Islam*. Misr: Dar al-Fikri al-‘Arabi.
- Abu Zahrah. (2009). *'Alam wa 'Ulama' Qudama' wa Mu'asirun*. Jordan: Dar al-Fath li al-Dirasah wa al-Nashr.
- Akademik Pengajian Islam. Petaling Jaya: Universiti Malaya. 4-10.
- Al-'Awfa, M. S. (2004). *Al-Nizam al-Siyasi fi al-Islami*. Damshiq: Dar al-Fikr. Azizah Hamzah. 2010. *Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya*. Dalam Jurnal Al-Akiti, M. A. & Halim, Z. A. A. (12 Disember 2019). Ahli Sunnah Wal Jamaah Dalam Konteks Alam Melayu. Prosiding Seminar Kebangsaan Asya'irah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2.
- Al-Asyqar, U. S. (1998). *al-Madkhala Dirasah al-Madaris wa al-Madhahib al- Fiqhiyyah*, Jordan: Dar al-Nafa'is.
- Al-Atas, S. M. N. (2001). *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought And Civilization (ISTAC).
- Al-Athari, A. A. H. (2001). *al-Wajiz fi 'Aqidah al-Salaf al-Salih (Ahl al- Sunnah Wa al-Jama'ah)*. Arab Saudi: Wazarah al-Su'un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da'wah wa al-Irshad.
- Al-Baghdadi, A. Q. (1977). *al-Farq bayn al-Firaq wa Bayan al-Firqah al- Najiyah*. Beirut: Dar al-Afaq la-Jadidah.
- Al-Buti, S. R. (2017). *AllaMadhabiyah Akhtar Bid'ah Tuhaddid al-Syari'ah al- Islamiyyah*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Al-Haytami, I. H. (1993). *Tuhfah al-Muhtaj fi Sharh al-Minhaj*. Misr: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- Al-Kasani (1986), *al-Bada'i wa al-Sana'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Khin, M. & Al-Bugha, M. (2011). *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhab al-Syafii*.

- Al-Marizi. M. A. M. (1991). *al-Mu'lim bi Fawa'id Muslim*.
- Al-Mawdudi, A. A. (1984), *Teori Politik Islam*. Terj. Kamaruddin Abdul Rahman. Kuala Lumpur: Agensi Media Islam.
- Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah* (2009). Kuwayt: Wazarah al-Su'un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da'wah wa al-Irshad.
- Al-Mubarak, M. (1974). *Nizam al-Islam: al-Hukm wa al-Dawlah*. Al-Qahirah: Dar al-Fikr.
- Al-Nadwah al-'Ilmiyyah li al-Shabab al-Islami (1999), *al-Mawsu'ah al-Muyassarah fi al-Adyan wa al-Madhahib wa al-Ahzab al-Mu'asirah*. 36.
- Al-Qaftani, S. A. (2013). *Bayan 'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah wa Luzum*
- Al-Qaradawi, Y. (1999), *Min Fiqh al-Dawlah fi al-Islam*. Al-Qahirah: Dar al-Shuruq.
- Al-Qudah, N. A. S. (1999). *al-Mukhtasar al-Mufid fi Sharh Jawharat al-Tawhid*. 'Amman: Dar al-Razi.
- Al-Sinan, H & Al-'Anjari, F. (2006). *Ahl al-Sunnah al-Asha'irah: Shahadat 'Ulama' al-Ummah wa Adillatuhum*. Kuwayt: Dar al-Diya'.
- Al-Wa'i, T. (1996), *al-Dawlah al-Islamiyyah bain al-Turath wa al-Mu'asirah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Alwi, E. A. Z. E. (2007). Definisi Ahl al-Sunnah wa Al-JamaAh: Satu Analisis. *Jurnal Usuluddin*, 25, 125-143.
- Al-Zabidi, M. M. (1998). *Itihaf al-Sadah al-Mutaqqin bi Syarh Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zuhayli, W. (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Aminnuddin, A. Q., & Ramli, M. A. (2016). Penggunaan Mazhab selain Syâfi'i dalam Fatwa Negara Brunei Darussalam. *Journal of Fatwa Management and Research*, 7(1), 37-56.
- Aminnuddin, A. Q., & Ramli, M. A. (2016). Penggunaan Mazhab selain Syâfi'i dalam Fatwa Negara Brunei Darussalam. *Journal of Fatwa Management and Research*, 7(1), 37-56.
- Beyrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Buang, A. H. (2004). Analisis Fatwa-Fatwa Syariah di Malaysia. *dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang Universiti Malaya.
- Damshiq: Dar al-Qalam.
- Dimon, Z. (2020). Penguatkuasaan Kesalahan Berhubung Fatwa Dalam Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia: Legal Enforcement of Offences Relating to Fatwa in Syariah Criminal Law in Malaysia. *Journal of Muwaqqat*, 3(1), 116-129.
- Don, A. A. M. (2000), *Politik al-Imam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatwa Negeri Johor, 22 April 2015. Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunnah Wal Jamaah Terhadap Perpaduan Umat Islam Malaysia. Tidak diwartakan. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15888>. Diakses 20 Mac 2022.
- Fatwa Negeri Pahang Tahun 2014. Ajaran Salafiah @ Wahabiah Dan Seumpamanya Di Negeri Pahang. Tidak diwartakan. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/3>. Diakses, 25 Mac 2022.
- Fatwa Negeri Perak. 4 Januari 2012. No. 365. Pencegahan Penyebaran Aliran Dan Dakyah Wahabiah. Diwartakan. <http://mufti.perak.gov.my/index.php/rakyat/koleksi-umum/warta-kerajaan/485-warta-kerajaan>. Diakses, 27 Mac 2022.
- Fatwa Negeri Sabah, Bil 1, Tahun Mei 2009. Gerakan Kumpulan Muhammadiyyah, Wahabiyah Dan Itba' Al-Sunnah Di Malaysia. Diwartakan tahun 2017. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/3>. Diakses, 27 Mac 2022.
- Fatwa Negeri Sembilan, Bil 2. Tahun 2016. Tafsiran Pegangan dan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Tidak diwartakan. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/3>. Diakses, 27 Mac 2022.

- Garis Panduan Pengeluarkan Tauliah Mengajar, Kebenaran Berceramah dan Berkhutbah Dalam Negeri Melaka. 8 & 9. (Diakses; 12 Jun 2021) <http://tauliah.jais.gov.my>
- Hasan Ahmad et. al (2017), "Imarah Masjid: Analisa Awalan Ke Atas Isu Tauliah Dan Kelayakan Tenaga Mengajar". Universiti Islam Pahang. 356. <http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/21879/> (Diakses: 20 Mac 2022).
- Hawwa, S. (1993), *al-Islam*. Cet. 2. Al-Qahirah: Maktabah Dar-al-Salam.
- Ibn 'Abidin, M. A. (1992). *Rad al-Muhtar 'ala Rad al-Mukhtar*.
- Ibrahim et. al (1972). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah. Ibn Manzur (1990). Lisan 'Arab. Beirut: Dar al-Fikr.
- Irsyad al-Fatwa ke-122: Keperluan Mendapatkan Tauliah Mengajar. Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. 18 Julai 2016.
- Ittiba'ihim fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah*. (Diakses, 22 Mac 2022). <https://www.alukah.net/library/0/54446/>
- Jalil, A. (25 Ogos 2020). *Sejarah Kemunculan Teori dan Perkembangan Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Konvensyen Memperkuatkannya Pemikiran Ahli Sunnah Wal Jama'ah (ASWJ). Auditorium Dahlia, Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
- Johari Mat (1997). Ahl al-Sunnah Wa al-Jamaah: Satu Pengenalan. *Jurnal Usuluddin*.
- Kasan, H., & Jamal, J. (2003). Fatwa dalam Perundangan Islam dan Fungsinya Menangani Keperluan Hukum Semasa Menurut Siasah al-Syar'iyah. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 7, 89.
- Mahaiyadin, M. H., & Abdul Aziz, S. (2020). Taklid Mazhab Syafi'i di Malaysia: satu tinjauan dalam konteks masalah perpaduan ummah. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 6(1), 151-170.
- Majallah Bayan li al-Nas* (13.3.2022). Bil: 238. Jami' al-Azhar al-Sharif. <http://islampoint.com/w/amn/Web/135/3181.htm> (Diakses, 13.3.2022)
- Mulaykah Sawalih (2006). *al-Insilah min al-Madhahib al-Fiqhiyyah Haqiqatuhi – Asabuhu wa Atharuh fi al-Fiqh al-Islami*. Tunisia: Wazirah al-Ta'lim al-'Ali wa al-Bath al-'Ilm.
- Musa, R. (2020). Perselisihan Antara Gerakan Al-Asya'irah dan Salafiyah: Analisis Pendekatan Ulama Ahl Sunnah wa Al-Jamaah. *Jurnal Peradaban Islam*, 1(1), 82-110.
- Nor, R. M. (1995). Pandangan Abi A'la Al-Maududi Mengenai bentuk Negara Islam. *Monograf Syariah*, 35-36.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Pengajian Media Malaysia, 6 (1).
- Rahim, R. A. A., & Ramli, M. A. (2007). Mazhab Syafi'i dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Fiqh*, 4, 39-76.
- Tunisia: al-Dar al-Tunisiyyah li Nashr.
- Wahab, M. R., & Hamat, M. F. (2018). Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Asha'irah dan al-Ash'ari: Satu Pengenalan. *JURNAL*, 1: 27 -31.
- Yaacob, A. M. & Majid, W. R. A. (2002). *Kriteria Negara Berteraskan Prinsip Islam*, suntingan, "Universiti Piagam Madinah". 106-107.
- Zaydan, A. K. (1965), *al-Fard wa al-Dawlah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Zulkifli al-Bakri (20 April 2016). "Malaysia Sebuah Negara Ahli Sunnah Wal Jamaah: Satu Penegasan. Al-Bayan". Siri 6. Putra Jaya: Unit Penyelidikan Ilmiah Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Jabatan Perdana Menteri.
- Zulkifly Muda. (8 April 2019). Mazhab Syafie: Wadah Penyatuan Ummah di Malaysia. Kertas kerja Konvensyen Pendidikan Islam & Ilmuwan Muslim. Anjuran Jabatan Mufti Negeri Perak (Diakses, 22 Januari 2021).